

Dikemas kini pada 22 April 2021

## KEMPEN HLB RAYA 2021 APPLY@HLB

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen HLB Raya 2021 Apply@HLB” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“HLISB”) (secara kolektif disebut “Bank”) bermula pada 27 April 2021 dan berakhir pada 11 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“T&S”) adalah seperti berikut:

#### KELAYAKAN

1. Kempen terbahagi kepada dua (2) kategori dan terbuka kepada kumpulan berikut:
  - (a) **Kempen A:** Seluruh pelanggan individu Baharu-kepada-Bank (“Pelanggan Kempen A”).
  - (b) **Kempen B:** Seluruh pelanggan sedia ada Bank yang merujukkan pelanggan individu Baharu-kepada-Bank untuk membuka akaun dengan Bank (“Perujuk Kempen B”).
2. Bagi tujuan Kempen ini:
  - (a) Pelanggan Kempen A bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i disenaraikan menurut Fasal 3 di bawah ini dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan memohon Akaun Sertaan/Akaun Sertaan -i baharu semasa Tempoh Kempen.
  - (b) Perujuk Kempen B bermaksud pelanggan sedia ada yang mempunyai sebarang Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan-i dengan Bank sebelum Tempoh Kempen.
3. “Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i” bagi Kempen ini adalah seperti berikut:
  - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
  - (b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
  - (c) Akaun Pay&Save Hong Leong; dan
  - (d) Akaun Pay&Save-i Hong Leong.
  - (e) Akaun Junior 3 Dalam 1
  - (f) Akaun Junior-i 3 Dalam 1

**Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong, Akaun Pay&Save-i Hong Leong dan Akaun Junior 3 dalam 1/Akaun Junior-i 3 dalam 1** adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah iaitu Tawarruq.

4. Pelanggan Kempen A dan Perujuk Kempen B di bawah ini **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
  - (a) yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan bankrap atau bakal dikenakan prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
  - (b) yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.
5. Pekerja tetap dan pekerja kontrak Bank tidak dibenarkan menyertai sebagai Perujuk Kempen B.

**KAEDAH KEMPEN**

**Kempen A – Dapatkan sehingga RM50 e-Duit Raya apabila anda membuka akaun bank melalui aplikasi mudah alih Apply@HLB (“Apply@HLB App”)**

**KAEDAH KEMPEN A:**

6. Bagi melayakkan diri untuk menerima e-Duit Raya (“**e-Duit Raya Kempen A**”), Pelanggan Kempen A **MESTILAH** memenuhi Kriteria berikut seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah ini semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Kempen A Layak**”):

Jadual 1:

| Bil. | Kriteria Kelayakan   | e-Duit Raya Kempen A |
|------|--|----------------------|
| 1.   | Buka Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i menerusi Aplikasi Apply@HLB | RM25                 |
| 2.   | Daftar DuitNow ID menerusi HLB Connect *                       | RM25                 |

\* Butiran 2 Kriteria Kelayakan juga tertakluk kepada dan hendaklah dibaca bersama-sama [\*\*Terma dan Syarat Kempen Pendaftaran DuitNow ID\*\*](#)

**SYARAT PEMENUHAN**

7. Baki minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Ratus** (RM500) mestilah dikekalkan dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i hingga 30 Jun 2021. Sekiranya baki dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus** (RM500) sebelum 30 Jun 2021, maka Pelanggan Kempen A Layak akan terlucut kelayakan menerima e-Duit Raya Kempen A.
8. Jumlah himpunan dana yang diuntukkan bagi Kempen A dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Lima Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu** (RM575,000) sahaja sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja had yang ditetapkan itu tercapai, tiada lagi e-Duit Raya Kempen A akan diberi. e-Duit Raya Kempen A akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i secara langsung dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas tamatnya Tempoh Kempen (“**Tempoh Ganjaran Kempen A**”). Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i mestilah kekal dibuka, sah dan aktif sepanjang Tempoh Ganjaran Kempen A bagi tujuan mengkreditkan e-Duit Raya Kempen A kepada Pemenang Kempen A.
9. Untuk menyertai Kempen tidak diperlukan borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan kempen. Bank akan menjelaki Pelanggan Kempen A Layak secara automatik setamatnya Tempoh Kempen. HLB akan memberitahu Pelanggan Kempen A Layak jika mereka telah berjaya memperoleh e-Duit Raya Kempen A (“**Pemenang Kempen A**”) dengan menyiarkan senarai Pemenang dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“**Laman Web Bank**”) dalam Tempoh Ganjaran Kempen A.
10. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pemenang hanya berhak menerima e-Duit Raya Kempen A maksimum **satu** (1) kali dihadkan maksimum **Ringgit Malaysia Lima Puluh** (RM50) sahaja sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira jumlah Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i yang dibuka sepanjang Tempoh Kempen.

**Kempen B – Rujuk Member, Dapat RM1 Juta****KAEDAH KEMPEN B:**

11. Perujuk Kempen B yang memenuhi Kriteria Kelayakan berikut seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah ini semasa Tempoh Kempen (“**Perujuk Kempen B Layak**”) akan diberi ganjaran berupa RM25 e-Duit Raya (“**e-Duit Raya Kempen B**”):

Jadual 2:

| Bil. | Kriteria Kelayakan   | e-Duit Raya Kempen B |
|------|--|----------------------|
| 1.   | Mesti mendaftar di ruangan pendaftaran Member-Get-Member melalui pautan <a href="http://www.hlb.com.my/refer2win">www.hlb.com.my/refer2win</a> untuk mendapat kod rujukan unik   |                      |
| 2.   | Merujukkan Pelanggan Baharu-kepada-Bank untuk membuka sebarang Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i menerusi Aplikasi Apply@HLB (“ <b>Pelanggan Rujukan</b> ”) dan masukkan kod rujukan unik Perujuk Kempen B semasa proses membuka akaun | <b>RM25</b>          |

**SYARAT PEMENUHAN**

12. Baki minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) mestilah dikekalkan dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Rujukan sehingga 30 Jun 2021. Sekiranya baki dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i Pelanggan Rujukan kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus** (RM500) sebelum 30 Jun 2021, Perujuk Kempen B akan terlucut kelayakan menerima e-Duit Raya Kempen B.
13. Tidak dihadkan bilangan Pelanggan Rujukan yang boleh dirujuk oleh Perujuk Kempen B. Juga tidak dihadkan bilangan e-Duit Raya Kempen B yang boleh diperoleh setiap Perujuk Kempen B.
14. Perujuk Kempen B Layak bertanggungjawab untuk memberitahu Pelanggan Rujukan dan memastikan Pelanggan Rujukan mematuhi kehendak Fasal 12 di atas, jika tidak, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan jika Perujuk Kempen B Layak terlucut kelayakan menerima e-Duit Raya Kempen B.
15. Jumlah himpunan dana yang diuntukkan bagi Kempen B dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000)** sahaja sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau bagaimanapun sebaik sahaja had yang ditetapkan itu tercapai, tiada lagi e-Duit Raya Kempen B akan diberi. e-Duit Raya Kempen B akan dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i secara langsung dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas tamatnya Tempoh Kempen (“**Tempoh Ganjaran Kempen B**”). Akaun Sertaan/Akaun Sertaan-i mestilah kekal dibuka, sah dan aktif sepanjang Tempoh Ganjaran Kempen B bagi tujuan mengkreditkan e-Duit Raya Kempen B kepada Pemenang Kempen B.
16. Bank akan menjelaki Perujuk Kempen B Layak secara automatik setamatnya Tempoh Kempen. HLB akan memberitahu Perujuk Kempen B Layak mengenai kelayakan mereka menerima e-Duit Raya Kempen B dengan menyiaran dalam Laman Web Bank semasa Tempoh Ganjaran Kempen B (“**Pemenang Kempen B**”).
17. Jika lebih daripada seorang (1) Perujuk Kempen B merujukkan Pelanggan Rujukan yang sama kepada Bank semasa Tempoh Kempen, hanya Perujuk Kempen B yang pertama yang kod rujukan uniknya direkodkan dalam

---

sistem Bank akan layak menerima e-Duit Raya Kempen B. Bagi mengelakkan keraguan, terpulang kepada budi bicara HLB untuk menentukan pemilihan Pelanggan Rujukan muktamad bagi rujukan-silang dan sebarang pertikaian berkaitan dengan keputusan HLB tidak akan dilayan.

## **UMUM**

18. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Kempen A dan Perujuk Kempen B bersetuju:
  - (a) telah membaca, memahami dan mematuhi T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun CASA/CASA-i Sertaan.
  - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Kempen B dan Perujuk Kempen B;
  - (c) mengakses laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“**Laman Web Bank**”) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan dan pindaan kepada T&S;
  - (d) e-Duit Raya Kempen A atau e-Duit Raya Kempen B tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit muka, cek atau manfaat barang; dan
  - (e) dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
19. Bank berhak:
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkan dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Kempen A dan Perujuk Kempen B atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh Bank daripada menyertai Kempen dan/atau berhak menerima e-Duit Raya Kempen A atau e-Duit Raya Kempen B; dan
20. T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun CASA/CASA-i Sertaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun CASA/CASA-i Sertaan maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan lain-lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&S dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
22. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Kempen A dan Perujuk Kempen B bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.



---

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.